

— Kerajaan akan terus berusaha tingkatkan sektor pertanian

Pastikan makanan cukup untuk masa darurat — PM

M... 22 JUN 1990

BATU PAHAT 21 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia yang masih mengimport makanan, perlu memastikan sumber bekalan makanan berasaskan pertanian, penternakan dan perikanan mencukupi untuk keperluan negara di masa darurat.

Perdana Menteri berkata, walaupun negara akan terus mengimport sebahagian bekalan makanan, tetapi pada masa yang sarna kerajaan akan berusaha mempertingkatkan sektor pertanian supaya bekalan makanan tidak terputus semasa darurat yang menyebabkan rakyat kebuluran kerana terputus hubungan dengan negara luar.

Beliau juga menjelaskan bahawa sesebuah negara perlu menyediakan bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat kerana negara yang bergantung kepada import dari negara luar sebenarnya adalah negara yang tidak benar - benar merdeka.

“Oleh itu, kita akan terus mengimport sebahagian makanan kita tetapi dalam keadaan darurat kita tidak mahu bekalan makanan terputus menyebabkan rakyat menderita dan kebuluran,” katanya semasa berucap merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri di sini hari ini.

Kira - kira 5,000 orang menghadiri majlis perasmian tersebut dan turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Menteri Besar Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Pertanian, Datuk Sri Sanusi Junid dan Menteri Pengangkutan Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik.

Menurut Perdana Menteri, berbagai usaha akan dilakukan bagi memastikan bekalan makanan mencukupi walaupun jumlah petani, penternak, nelayan berkurangan di samping kekurangan tanah - tanah pertanian.

Perdana Menteri berkata, sektor pertanian perlu dipertingkatkan lagi kerana jumlah penduduk akan terus meningkat seramai 360,000 orang setahun dan jumlah penduduk 17.6 juta

sekarang akan meningkat kepada lebih 20 juta orang dalam tahun 2000.

Bagaimanapun, menurut beliau lagi, mengikut unjuran sekarang, matlamat untuk mencapai 70 juta penduduk pada tahun 2085 akan dapat dicapai pada tahun 2035.

Sehubungan dengan perkembangan ini, Perdana Menteri berkata, negara perlu memastikan bekalan makanan juga tidak akan berkurangan.

“Oleh itu kita mengambil berat tentang industri penternakan, perladangan dan perikanan dengan menyusun berbagai cara seperti memperkenalkan bidang - bidang baru yang boleh menambah bekalan makanan sambil memberi pulangan pendapatan yang baik, sama ada kepada petani, penternak dan nelayan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, hasrat kerajaan sekarang adalah untuk melihat kumpulan petani, penernak dan nelayan mendapat pendapatan yang lebih baik.

Keperluan

Katanya, walaupun negara sudah memasuki bidang industri pembuatan tetapi tidak bermakna bidang - bidang penternakan, pertanian dan Wrikanan akan diabaikan kerana bidang - bidang tersebut menjadi asas keperluan rakyat.

Dato' Sri Dr. Mahathir mengambil contoh di Arab Saudi di mana negara itu berusaha menanam gandum di padang pasir walaupun negara yang kaya dengan minyak itu boleh mengimport dan tidak perlu bersusah - payah menanam gandum sendiri.

Ini adalah kerana mereka ingin bebas dari bergantung sepenuhnya kepada import bahan makanan sekalipun negara itu sedar kos untuk menanam gandum di padang pasir tiga kali lebih tinggi dari nilai import.

Katanya, kerajaan ingin berbuat sesuatu untuk kebaikan masyarakat petani, penternak dan nelayan serta menjadikan negara ini sebuah negara yang termaju di kalangan negara - negara membangun.

Dato' Sri Dr. Mahathir terpaksa memendekkan ucapannya disebabkan hujan lebat dan ketika itu juga hadiah - hadiah kepada pemenang - pemenang dalam kategori Petani, Penternak dan Peladang Jaya masih belum selesai.

Bagaimanapun majlis penyanraipan hadiah diteruskan walaupun hujan lebat.

Perdana Menteri juga menyampaikan kotak awal membasmu kemiskinan kepada 20 wakil petani dari seluruh daerah, beliau kemu&an melawat gerai - gerai pameran.